

01 FEB 1997

TNB

TNB KAJI PELABURAN DI LUAR NEGERI

KUALA TERENGGANU, 1 Feb (Bernama) -- Tenaga Nasional Berhad (TNB) sedang mengkaji untuk melabur dalam beberapa projek tenaga di beberapa negara asing.

Pengerusi Eksekutif TNB Datuk Ahmad Tajuddin Ali berkata, TNB kini terbabit dalam satu projek loji Pengeluar Tenaga Bebas (IPP) di bahagian tengah Pakistan.

"Projek itu kini sudah siap kira-kira 60 peratus dan dijangka siap sepenuhnya akhir Oktober ini," kata beliau kepada pemberita selepas mengunjungi Menteri Besar Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad di pejabatnya di sini, hari ini.

Ahmad Tajuddin berkata TNB memiliki 30 peratus kepentingan dalam projek itu manakala bakinya dipegang beberapa pihak lain.

Pelaburan itu dibiayai melalui pinjaman dan beliau tidak dapat menyatakan jumlahnya, katanya.

Ahmad Tajuddin menegaskan TNB juga sedang mengkaji beberapa projek lain termasuk di Bosnia-Herzegovina yang dicadangkan semasa lawatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed ke negara itu.

"Di rantau ini, kita ada kaji (melabur) di beberapa negara seperti India, Filipina ... buat masa ini kita belum membuat sebarang keputusan," katanya.

Ahmad Tajuddin juga menyerahkan cek bernilai RM10,000 kepada Pesuruhjaya Hal Ehwal Agama Terengganu Datuk Ismail Ali sebagai sumbangan TNB kepada Dana Masjid Negeri Terengganu.

Ismail berkata tabung itu setakat ini berjaya mengumpul RM225,000 melalui sumbangan pelbagai pihak.

Sebanyak RM3,000 juga diperolehi setiap bulan hasil sumbangan potongan gaji daripada 514 orang kakitangan kerajaan, katanya. -- BERNAMA

SBJ PR